

## Pemilihan Indikator Bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) Untuk Memahami Ilmu Bayan

### *The Selection of Indicator for The Combined Mind Mapping Model (CMMM) To Understand Bayan Science*

Wazzainab Binti Ismail<sup>1</sup>, Rosni Bin Samah<sup>2</sup>, Azlan Bin Shaiful Baharum<sup>3</sup>

#### ABSTRAK

Balaghah ialah antara ilmu-ilmu bahasa Arab yang penting seperti ilmu Nahu dan Saraf. Ilmu Balaghah lebih menjurus kepada makna sastera tersirat menjadikannya satu ilmu yang agak sukar difahami oleh pelajar bukan penutur jati bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membantu pelajar menguasai dan memahami ilmu ini. Kajian ini akan fokus kepada pemilihan indikator bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan. Ilmu Bayan adalah salah satu cabang ilmu Balaghah bahasa Arab. Objektif kajian ialah untuk mengkaji jenis indikator bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan. Kajian juga mengkaji keperluan jenis indikator tersebut bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan. Kajian kualitatif secara analisis dokumen digunakan untuk menerangkan jenis indikator yang bersesuaian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 4 indikator bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan. Pemilihan empat indikator tersebut terdiri daripada 3 cabang ilmu lain yang penting dan satu kaedah (aturan balaghah) untuk membantu pelajar memahami ilmu Bayan. Ilmu-ilmu tersebut ialah Nahu (sintaksis), Saraf (morfologi), Dalalah (semantik) dan Kaedah (aturan balaghah). Keperluan indikator 3+1 ini adalah asas utama untuk memahami ilmu Bayan seperti yang ditegaskan dan disarankan oleh kajian-kajian literatur.

**Kata kunci:** Pemilihan, indikator, memahami, ilmu Bayan

#### ABSTRACT

Balaghah is one of the important Arabic language sciences including Nahu and Saraf. The science of Balaghah is more oriented to the implied literary meaning, making it a science that is quite difficult for non-native Arabic students to understand. Therefore, this study aims to help students master and understand this knowledge. This study will focus on the selection of indicator for the Combined Mind Mapping Model (CMMM) to understand Bayan science. The knowledge of Bayan is one of the branches of Balaghah Arabic language. The objective of the study is to identify the types of indicators for the Combined Mind Mapping Model (CMMM) to understand Bayan knowledge. The study also examines the need for these types of indicators for the Combined Mind Mapping Model (CMMM) to understand Bayan knowledge. Qualitative research in the form of document analysis is used to explain the appropriate types of indicators. The results of the study found that there are 4 indicators for

<sup>1</sup> Wazzainab Ismail, MAIRK Fiqh and Usul, PhD Arabic Studies Student, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor, [wazzainab@kuis.edu.my](mailto:wazzainab@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Rosni Samah, Prof. PhD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, [rosni@usim.edu.my](mailto:rosni@usim.edu.my)

<sup>3</sup> Azlan Shaiful Baharum, Prof Madya. PhD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, [azlan\\_arab@usim.edu.my](mailto:azlan_arab@usim.edu.my)

*the Combined Mind Mapping Model (CMMM) to understand Bayan knowledge. The selection of the 4 indicators consists of 3 other important branches of Arabic language sciences and a method (balaghah rules) to help students understand Bayan knowledge. The three sciences are Nahu (syntax), Saraf. (morphology), Dalalah (semantics) and Method (balaghah rules). The need for these 3+1 indicators is the main basis for understanding Bayan knowledge as emphasised and recommended by literature studies.*

**Keywords:** Selection, indicators, understanding, Bayan science

## Pendahuluan

Setiap bahasa mempunyai kekuatan dan keunikan yang tersendiri. Ilmu bahasa akan membeza-bezakan fungsi bahasa agar mudah dipelajari dan dikenali oleh penuntut bahasa. Merujuk kepada banyak program pengajian bahasa Arab atau susun atur pengajian bahasa Arab terdapat beberapa ilmu bahasa yang perlu didahulukan pengajiannya sebagai asas dan dasar untuk memahami bahasa tersebut.

Hal ini dapat dilihat sebagai contoh dalam maklumat pengajian bahasa Arab di Universiti Islam Selangor. Beberapa program diploma dan Sarjana Muda Bahasa Arab di UIS mengikut susunan ilmu bahasa seperti juga universiti lain agar ilmu bahasa Arab disembahkan kepada pelajar mengikut turutan jenis ilmu yang sesuai dan betul. Berikut jadual susunan pengajaran ilmu bahasa Arab mengikut program dan semester pengajian.

**Jadual 1: Maklumat Program dan Semester Pengajian serta Taburan Ilmu Bahasa Arab di Universiti Islam Selangor**

Taburan Ilmu-Ilmu Bahasa Arab			
Program Pengajian/Semester Pengajian	Sarjana Muda Pengajian Islam dan Multimedia BI06	Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran BC01	Sarjana Muda Pengajian Islam Bahasa Arab dan Terjemahan BC03
Semester 1	1-Al-Sarf Al-Arabiy I	-	1-Al-Sarf Al-Wazify 2-Al-Nahw Al-Wazify 3-Al-Balaghah I 4-Al-Madkhal ila Ilmu lughah Al-A'm
Semester 2	1-Al-Nahw Al-Arabiy I	1-Al-Nizam Al-Nahw I 2-Al-Nizam Al-Sarf I	
Semester 3	1-Al-Nahw Al-Arabiy II 2-Al-Sarf Al-Arabiy II 3-Al-Madkhal ila Ilmu Fiqh Al-Lughah	1-Al-Nizam Al-Nahw II 2-Al-Nizam Al-Sarf II	-
Semester 4	-	1-Al-Nizam Al-Nahw III	-

		2-Al-Madkhal ila Ilmu Fiqh Al-Lughah 3-Asasiyyat Al-Balaghah	
Semester 5	1-Al-Nahw Al-Arabiy III 2-Ilm Al-Balaghah	-	1- Al-Balaghah II

Rujukan: <http://www.kuis.edu.my/kemasukan/program-pengajian/ijazah-sarjana-muda>

Jadual di atas dapat dirumuskan bahawa terdapat ilmu-ilmu bahasa yang asas yang didahulukan pengajarannya. Ilmu-ilmu tersebut ialah Al-Nahw, Al-Sarf dan Ilm-Lughah. Ilmu Balaghah adalah dikemudiankan pengajarannya kerana ilmu ini akan difahami dengan baik jika pelajar telah menguasai dengan bagus ketiga-tiga ilmu sebelumnya. Hal ini selari dengan kajian ini yang fokus kepada pemilihan indikator bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan. Iaitu pemilihan ilmu atau maklumat lain yang dapat membantu pelajar memahami ilmu Bayan bahasa Arab. Maka Objektif kajian ialah untuk mengkaji jenis indikator bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) dan keperluan jenis indikator tersebut untuk memahami ilmu Bayan.

### Definisi Indikator

Indikator ialah alat statistik, indikator adalah istilah yang digunakan dalam pelbagai bidang lain. Antaranya aspek ekonomi, maka indikator adalah penunjuk yang menganalisis keadaan pasaran semasa, mengenal pasti corak carta dan memberi ramalan tentang potensi perubahan dalam pergerakan harga. Ahli perniagaan menggunakan indikator untuk menyesuaikan strategi dagangan mereka mengikut ramalan ini untuk memaksimumkan keuntungan mereka dan mengelakkan daripada mengambil risiko yang tidak perlu. Oleh itu indikator adalah petunjuk bagi satu-satu aspek ilmu dan bidang. (FBS, 2022)

Indikator adalah alat ukur dalam sebuah proses mencapai tujuan. Indikator tidak selalu menjelaskan tentang keadaan keseluruhan, tetapi berperanan sebagai sebuah petunjuk (indikasi) atau alat kira yang mewakili sesuatu keadaan. Maka indikator adalah sesuatu yang dapat memberikan petunjuk atau keterangan serta menjadi acuan dalam mencapai suatu tujuan. Indikator juga dapat digunakan untuk mengetahui faktor perubahan dalam mencapai satu tujuan (Hasmatulhana, 2022)

Indikator asal perkataan bahasa Inggeris yang membawa maksud: penunjuk (DBP, 2016), tanda, instrumen dan lain-lain yang menunjukkan sesuatu atau memberi maklumat tentang sesuatu. (Cambridge, 2023)

### Indikator Pembelajaran

Indikator digunakan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan hasil pembelajaran, Ahli akademik sebagai perancang memerlukan akses kepada analisis berasaskan bukti tentang situasi semasa, arah aliran dari semasa ke semasa dan maklumat tentang kekuatan dan kelemahan sistem serta puncanya. Sistem pemantauan dan penilaian yang kukuh adalah dengan melihat kepada indikator yang berkaitan. Indikator boleh membantu mengesan

kemajuan strategi dan program dalam pelan sektor pendidikan. Indikator kualiti pendidikan boleh mempunyai implikasi yang bermakna untuk membolehkan perbandingan dibuat merentas masa, tempat atau konteks yang berbeza terhadap standard atau penanda aras global. (UNESCO, 2004)

Admin Eli (2016) membincangkan tentang cara untuk memperoleh petunjuk pembelajaran. Petunjuk pembelajaran boleh diperolehi daripada hasil pembelajaran. Manakala petunjuk pembelajaran membantu untuk bentuk membina ulasan daripada beberapa kriteria yang sangat khusus. Oleh itu, indikator sangat penting dalam usaha memastikan proses pembelajaran yang disasarkan berjaya dan berhasil.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian Samah, R. & Ismail, M. M. (2006) menyatakan bahawa tahap penguasaan pelajar untuk ilmu Balaghah terlalu lemah dan pembelajaran berorientasikan kepada hafalan contoh-contoh dan kaedah-kaedah tanpa penekanan kepada aspek kefahaman dan aplikasi. Kajian telah mencadangkan bahawa ilmu Balaghah memerlukan cara, kaedah dan teknik yang boleh membantu kefahaman pelajar. Manakala, Ahmad Redzaudin, G., et al., (2016) menyatakan tentang ketiadaan modul Balaghah yang digubal khusus untuk para pelajar. Dapatan kajian Raja Hazirah, R. S., et al., (2014) melihat bahawa penguasaan pelajar masih lemah kerana masa dan ruang yang sangat terhad bagi pembelajaran ilmu Balaghah serta penerapan kaedah-kaedah ilmu ini yang sangat sukar. Seterusnya penyelidikan yang dijalankan di (SMKA) dan (SABK) negeri Melaka iaitu merangkumi 9 buah sekolah. Kesimpulan kepada persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu Balaghah adalah negatif di mana mereka tidak berminat, tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingannya untuk mendalami ilmu ini. Di samping itu, pengajaran Balaghah belum memberikan kesan kepada responden untuk berminat mempelajari bahasa Arab serta majoriti responden masih belum merasai keberkesanan kaedah yang digunapakai. (Sofian & Bakar, 2013)

Najihah. A.W., et al. (2021) menyatakan bahawa penggabungjalinan kaedah tradisional dan moden dalam pengajaran Balaghah adalah penting. Pengajaran ilmu ini adalah dengan penerangan dan persembahan oleh pihak guru dan digabungkan dengan aplikasi moden seperti dialog realistik dan kaedah baru lain oleh pihak pelajar. Kajian ini juga menggalakkan idea pembelajaran bercorak PAK21, iaitu pendidikan berorientasikan pelajar. Maka, pelajar mempunyai peranan yang besar dalam proses pembelajaran. (Yuslina, M. et al., 2021). Ringkasnya, kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa kaedah baharu adalah penting untuk pengajaran dan pembelajaran ilmu Balaghah. Manakala ilmu Bayan adalah salah satu cabang ilmu Balaghah.

### **Ilmu Bayan**

Ilmu Bayan seperti yang dijelaskan sebelum ini adalah salah satu cabang ilmu Balaghah. Ilmu Bayan ialah ilmu retorik, kiasan dan perumpamaan yang mempunyai pecahan yang dibincangkan dalam ilmu bahasa Arab.

**Jadual 2: Pembahagian Ilmu Bahasa Arab dan Balaghah**

Sebahagian daripada ilmu bahasa Arab			
Nahu	Saraf	Dalalat (makna, Semantik)	Balaghah
			Bayan Majaz, Tashbih, Istia'rah, Kinayah
			Maani
			Badi'

Rujukan: Al-Tahanawi, A. M. (1996)

Memahami ilmu Bayan memerlukan strategi dan amalan pembelajaran yang betul agar ilmu ini dapat difahami dengan baik. Pemilihan indikator untuk memahami ilmu Bayan bermaksud pemilihan elemen-elemen lain yang penting yang akan membantu pelajar memahami ilmu Bayan. Elemen-elemen ini adalah peranan ilmu lain yang sangat penting untuk memahami ilmu Bayan.

### Model Peta Minda Kombinasi

Secara umumnya pelaksanaan peta minda dalam pengajaran ilmu dan kemahiran bahasa Arab telah berjalan dengan amat baik serta berjaya memberi impak yang positif. (Erlind, et al., 2016, Falah, A. 2014, Asyiah, N. 2016, Jannati, 2017, Nawawi, K. & Abdullah, N. 2016, Widodo, A. W., 2016, Yulistri, 2015, Mohamed, I. Y., 2015, El-Haq, 2012). Kajian-kajian ini cenderung menerangkan satu cabang ilmu atau satu sub tajuk yang terdapat dalam cabang ilmu tersebut tanpa ciri-ciri kombinasi. Kajian-kajian ini memilih untuk menerangkan satu sub tajuk ilmu Nahu atau satu sub tajuk daripada ilmu Saraf atau satu sub tajuk daripada ilmu Balaghah. Kajian-kajian ini mempunyai kesan yang baik mengikut objektifnya.

Kajian penggunaan peta minda yang fokus kepada ilmu Balaghah oleh Erlind, et al., (2016) cuba membantu calon SPM, STAM dan SMA yang sukar memahami ilmu Balaghah. Kajian kualitatif; secara temubual dan analisis data temubual memberi kesan yang baik daripada pelbagai aspek. Antaranya; 1-aspek kognitif: iaitu pelajar berfikir berkaitan tajuk, 2-aspek sendiri: pelajar berasa yakin dan bersemangat, 3-aspek psikomotor: pelajar mampu menterjemah ilmu ke bentuk lakaran dan 4-aspek strategi pembelajaran: pelajar boleh membuat nota sendiri. Kajian ini hanya bertumpu kepada ilmu Balaghah tanpa digabungkan dengan elemen atau ilmu lain. Sebagai tambahan kajian baru yang sedang dijalankan ini menambah ciri-ciri kombinasi agar tahap kefahaman meningkat dan kombinasi lebih daripada satu ilmu juga satu inisiatif untuk memperbaiki penguasaan bahasa Arab terutamanya ilmu Balaghah yang agak sukar.

Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan adalah kajian untuk menghasilkan satu model peta minda yang digabungkan elemen-elemen penting bagi membantu pelajar memahami ilmu Bayan. Elemen-elemen ini adalah indikator yang akan dipilih, dikupas dan dibincangkan dengan lebih terperinci untuk digambarkan bahawa peranan elemen-elemen dan indikator tertentu adalah penting untuk pembelajaran ilmu Bayan.


## Metodologi

Sesuatu kajian yang dijalankan perlu mempunyai perancangan dan bentuk implimentasi kajian yang bersesuaian. Oleh itu kajian pemilihan indikator bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan dilihat sesuai dan relevan dengan memilih reka bentuk kajian kualitatif iaitu menggunakan instrumen analisis dokumen. Analisis data adalah proses awal menilai hasil penulisan data primer dan sekunder yang melibatkan pengajaran ilmu Balaghah. Selain itu, ianya satu usaha menilai data dan dokumen yang menyokong tatacara pemilihan indikator bagi model peta minda kombinasi untuk pengajaran ilmu Bayan. Menurut Merriam (1988) dokumen ialah data sokongan atau tambahan yang menolong maklumat lain. (Darussalam, G & Hussin, S., 2016).

## Indikator Belajar Ilmu Balaghah dan Bayan

Beberapa kajian menyatakan bahawa terdapat ilmu-ilmu lain yang lebih penting dikuasai sebelum pelajar mempelajari ilmu Balaghah. Terdapat satu kajian yang melakarkan satu rumusan penting dalam usaha penguasaan ilmu Bayan.


**Jadual 3: Indikator Untuk Memahami Ilmu Bayan**

Komponen Ilmu bahasa Arab	Elemen/Indikator Faham Balaghah	Elemen/Indikator Faham Pembahagian Ilmu Balaghah	Elemen/Indikator Faham Ilmu Bayan
Kosa kata	Tatabahasa (Nahu dan Saraf )	Kaedah /Aturan Balaghah	Tatabahasa (Nahu dan Saraf )
Tatabahasa (Nahu dan Saraf)	Makna	Contoh ilmu Bayan	Dalalah (Makna/Semantik)
Balaghah	Balaghah	Terapan/ Aplikasi/ Kefahaman	Kaedah /Aturan Ilmu Bayan  Terapan/ Aplikasi/ Kefahaman- (Dalam bentuk peta minda kombinasi)
 Model Peta Minda Kombinasi (MPMK)			

**Rujukan: Adaptasi daripada: Samah, R. & Ismail, M. (2006)**

## Dapatan Dan Perbincangan

Empat pemilihan indikator bagi Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan bermula dengan indikator pertama ialah kaedah Balaghah untuk ilmu Bayan. Ditambah 3 ilmu yang paling penting dan asas dalam pengajaran bahasa Arab.



Rujukan: Adaptasi daripada: Samah, R. & Ismail, M. (2006)

**Rajah 1: Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) Untuk Memahami Ilmu Bayan**

Berdasarkan rajah di atas jelas menunjukkan bahawa susunan ilmu asas yang dipelajari oleh pelajar bahasa Arab itu penting untuk membantu pelajar memahami ilmu lain yang strukturnya lebih mencabar. Universiti telah menyusun ilmu-ilmu asas ini diawal semester seperti yang dinyatakan sebelum ini. Ilmu asas seperti Nahu, Sorof dan Makna kosa kata perlu dikuasai dengan baik oleh pelajar sebelum mereka memulakan pengajian ilmu Balaghah. Ilmu Balaghah pula terdiri daripada pembahagiannya dan juga kaedahnya yang perlu difahami dengan baik. Maka rajah ini melengkapkan hasil Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) untuk memahami ilmu Bayan. Maka model ini menjawab objektif pertama kajian iaitu pemilihan indikator untuk memahami ilmu Bayan hasil daripada rumusan kajian lepas yang sesuai.

**Jadual 4: Perbezaan ayat biasa dan ayat Balaghah serta peranan indikator**

Indikator dalam ayat Biasa (Nahu, Saraf, Makna) $1+1+1 = 3$	Indikator dalam ayat Balaghah (Ilmu Bayan) (Nahu, Saraf, Dalalat (semantik) + Kaedah/aturan ilmu Bayan $1+1+1 = 3 + 1 = 4$
Singa itu di dalam hutan. الأسد في الغابة.	Singa itu di dalam kelas. الأسد في الفصل.
Singa itu Binatang tahap makna yang biasa	Singa itu binatang tetapi digunakan untuk perumpamaan seorang yang berani. (ilmu Dalalat/semantik)
Fungsi ilmu Nahu dan Saraf penting untuk pelajar dapat memahami ayat serta membaca ayat dengan betul mengikut tatabahasa Arab.	Fungsi ilmu Nahu dan Saraf penting untuk pelajar dapat memahami ayat serta membaca ayat dengan betul mengikut tatabahasa Arab.
	Tambahan ilmu kaedah/aturan ilmu Bayan- Ini adalah tajuk Tashbih (perumpamaan) dan perbincangan kaedah ini masih ada banyak maklumat lain.

Rujukan: Adaptasi daripada: Samah, R. & Ismail, M. (2006)

Maka jadual di atas menerangkan keperluan indikator 3+1 untuk memahami ilmu Bayan. Indikator 3 hanya untuk tahap ayat biasa. Manakala Indikator 3+1 adalah untuk ayat Balaghah. Dalam keadaan tahap makna dan dalalat ayat yang berbeza iaitu singa membawa makna kiasan orang yang berani. Pernyataan ini menjelaskan objektif kedua iaitu tentang keperluan indikator 3+1. Maka kajian ini berusaha memberitahu pelajar bahawa mereka perlu menguasai dengan baik 4 indikator ini dalam usaha memahami ilmu Bayan.

### Rumusan

Ilmu bahasa Arab pelbagai tetapi tersusun mengikut keperluan. Ada yang wajib didahulukan semasa proses pengajaran, ada yang perlu dikemudiankan. Terdapat juga keperluan beberapa ilmu itu dihubungkan dan difahami secara bersama untuk menambah kefahaman. Oleh itu ilmu Bayan merupakan salah satu ilmu Balaghah yang meletakkan syarat bahawa pelajar terlebih dahulu perlu memahami ilmu Nahu dan Sorof serta Dalalat (makna) kemudian ditambah kaedah ilmu Bayan untuk mencapai tahap kefahaman yang tinggi. Kajian menyediakan Model Peta Minda Kombinasi (MPMK) yang terdiri daripada indikator asas dan menjelaskan keperluan indikator tersebut untuk memahami ilmu Bayan.

### Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian dari penyelidikan PhD Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). PhD Pengajian Bahasa Arab berkaitan ilmu Balaghah. Pelajar adalah pensyarah bahasa Arab di Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor (UIS). Pelajar telah mendapat tajaan pengajian selama 2 tahun (2018-2020) oleh Universiti Islam Selangor. Pelajar masih meneruskan pengajian kerana masih belum selesai urusan penyelidikan. Ucapan penghargaan kepada penyelia utama dan kedua, USIM dan UIS.

### Rujukan

- Admin Eli. (2016). Learning Indicators and Where to Find Them <https://elireview.com/2016/04/20/learning-indicators/>
- Asyiah, N. (2016). Pengembangan Peta Konsep Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Tarbawi*. 1(2) <http://ejournal.iainkerinci.ac.id/index.php/tarbawi/article/view/57/56>
- Ahmad Redzudin, G., Mohamad Rofian, I., Khairatul Akmar, A. L., Adnan, M. A., & Daoh, M. (2016). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Balaghah Bagi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. In *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016* (pp. 261-268).
- Cambridge Dictionary. (2023). Indikator. England: Cambridge University Press & Assessment. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/norwegian-english/indikator>
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016. **Kamus Dewan Edisi Keempat**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=indikator>
- El Haq, M. A. (2012). *Peningkatan Minat Belajar Siswa dalam Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Metode Mind Mapping di Kelas XE Man Maguwoharjo Sleman Tahun Ajaran 2011/2012* (Doctoral dissertation, PERPUSTAKAAN UIN SUNAN KALIJAGA). <http://digilib.uin-suka.ac.id/10153/>

- Erlind, A. H., Pabiyah, T.@H. & Mohd Sukki, O. (2016). *Penggunaan Peta Minda Dalam Pembelajaran Balaghah*. Dalam Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Hajimaming. *Multidimensi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Penerbit Universiti Putra Malaysia: Serdang, Malaysia. Cetakan 1, pp. 137-146.
- Falah, A. (2014). Pembelajaran Bahasa Arab berbasis Mind Map untuk meningkatkan pemahaman Bahasa Arab pada tingkat madrasah. *Arabia: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 6(1),65-82
- FBS. 2022. Apa itu indikator? Glosari FBS. Online Forex Broker <https://ms-brokerfbs.com/glossary/indicator-60>
- Hasan, E. B. A. (2014). *Penggunaan Peta Minda Dalam Pembelajaran Balaghah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak, Melaka, Malaysia.* Universiti Putra Malaysia.
- Hasnindita Basmatulhana. 2022. "Pengertian Indikator, Fungsi, dan Contoh Sehari-hari" <https://www.detik.com/edu/detikpedia/d-6165964/pengertian-indikator-fungsi-dan-contoh-sehari-hari>
- Jannati. (2017). "Ta'lim Al Afa'l Al- Mu'tallah Bi Uslub Kharitah Mafahim: Dirasah fi Maahad Nagan Raya", Tesis Sarjana. Universiti Al-Raniry Aceh, Indonesia. [https://www/repository.ar-raniry.ac.id/1/Jannati-221324018](https://www.repository.ar-raniry.ac.id/1/Jannati-221324018)
- Mohamed, I. Y., Iman Mustafa. 2015. *The Effectiveness Of The Use Of Certain Active Learning Strategies In The Development Of Written Expression Skills The In Arabic Language For A Number Of Students As A Sample For Grade 2 In The AL Ibdaa Model School For Basic Education (Girls)*, Dubai - United Arab Emirates. Research under Learning Skill Development Initiative, [www.mubadrah.ae/](http://www.mubadrah.ae/)
- Najihah, A. W., Raja Hazirah R. S., Anas M. Y., & Normila, N. (2021). Sorotan Terhadap Metode Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah Tradisional dan Kontemporer [A Review of Both Traditional and Contemporary Teaching and Learning Arabic Rhetorical Methods]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 15-25. <https://myedujournal.com/index.php/arise/article/view/44>
- Nawawi, K., & Abdullah, N. (2016). Keberkesanan teknik peta pemikiran terhadap peningkatan prestasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9(2), 66-76.
- Program pengajian. 2023. <http://www.kuis.edu.my/kemasukan/programpengajian/ijazah-sarjana-muda>
- Raja Hazirah, R. S., Kamariah, Y., Muzammir, A., Nurazan, M. R., & Shuhaida Hanim, M. S. (2014). Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu Dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Balaghah.
- Samah, R., & Ismail, M. M. (2006). Penguasaan " Al-Balaghah" dan Permasalahannya di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)(Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor).
- Sofian, A., Ahmad, S., & Bakar, K. A. (2013). Penguasaan dan permasalahan pelajar terhadap pengajian ilmu Balaghah: satu tinjauan awal. *Islamiyyat*, 35(1), 93-101.
- Tahanawi, M. A. (1996). *Kashaf istilahat al-funun wa-al-'ulum*. Beirut: *Librarie du Liban*. <http://waqfeya.com/book.php?bid=6153>
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO). (2004). Quality and Learning Indicator. <https://learningportal.iiep.unesco.org/en/issue-briefs/monitor-learning/quality-and-learning-indicators>
- Widodo, A. W. (2016). *Penerapan Metode Mind Map Untuk Meningkatkan Minat Belajar Pada Ketrampilan Menulis* (Doctoral dissertation, Tesis Master, Jabatan Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Tinggi, Universitas Islam Negeri Sayyid Ali

- Rahmatullah Tulungagung, Jawa Timur, Indonesia, 2016. <http://repo.iain-tulungagung.ac.id/4602/>
- Yulistri. (2015). Uslub Khoritah Al-Aqliyyah wa Taqbiguhu Bi Al-suar Al-Fotografiyah Li Maharatul Kalam Fi Sakan Dakhili ma'Al-fatyan Al-ta'limi. *Jurnal Ilmiah DIDAKTIKA*, 15(2), 179-192. <http://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/didaktika/article/viewFile/579/482ss>
- Yuslina, M., Mohamed, H. I., Nurhasma, M. S., Sulaiman, I., & Ab Adly Rabbanie, A. R. (2021). Pelaksanaan PdPC Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi dari Perspektif Pensyarah. *AL-QALAM International Online Journal of Arabic Language Studies*. Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia. <https://www.ukm.my/alqalam/> Vol. 1 No. 1 (2021)